

12 NOV 1996

Isa-DAP

LANGKAH DUA ADUN DAP SERTAI MCA WAJAR DAN BIJAK

SEREMBAN, 12 Nov (Bernama) -- Tindakan dua Anggota Dewan Undangan Negeri (Adun) dari DAP, Lee Yuen Fong dan Khoo Seng Hock menyertai Barisan Nasional (BN) merupakan langkah wajar dan bijak demi kepentingan rakyat yang diwakili mereka.

Menteri Besar Tan Sri Mohamed Isa Abdul Samad berkata, hanya dengan menyertai BN kedua-dua mereka dapat memberikan khidmat yang lebih baik kepada rakyat.

Lee yang merupakan Adun Temiang dan Khoo, Adun Lobak secara rasmi menyertai MCA hari ini dan sekaligus membolehkan BN menguasai kesemua 32 kerusi Dewan Undangan Negeri Negeri Sembilan.

"Jika masih berada di pihak pembangkang, sudah tentu mereka tidak dapat melakukan apa yang terbaik untuk rakyat terutama membawa pembangunan yang dilaksanakan oleh kerajaan", katanya kepada pemberita di sini, hari ini.

Beliau berkata, tindakan itu juga membuktikan keyakinan mereka kepada kerajaan Barisan Nasional (BN) di bawah kepimpinan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang mampu membawa kestabilan politik yang berterusan.

"Kedua-dua mereka terutama Lee yang hampir empat penggal memegang jawatan Adun sudah mesti cukup masak dengan karenah dalam DAP sehingga mereka meninggalkannya," kata beliau.

Mohamed Isa yang juga Pengerusi BN negeri berkata ini merupakan kali pertama dalam sejarah, BN menguasai kesemua kerusi Dewan Undangan Negeri di Negeri Sembilan.

Menjawab soalan lain, Menteri Besar berkata soal tiada "check and balance" selepas ketiadaan Adun pembangkang di negeri itu tidak timbul kerana selama inipun kalangan Adun BN sendiri telah memainkan peranan berkenaan.

Beliau juga berkata, Kerajaan Negeri mungkin menimbangkan perlantikan Lee dan Khoo dalam beberapa jawatankuasa tertentu di peringkat negeri dan daerah selepas menerima surat rasmi daripada MCA.

Ini akan membolehkan mereka mencurahkan pandangan dan pengalaman mereka untuk dimanfaatkan oleh jawatankuasa yang terbabit, katanya.

Sementara itu, Pengerusi DAP Kebangsaan Dr Chen Man Hin pula berkata kemasukan kedua-dua Adun DAP merupakan suatu tamparan hebat terhadap DAP Negeri Sembilan.

Chen berkata beliau amat dukacita dengan langkah mereka itu kerana sanggup mengadai maruah dan perjuangan parti itu selama ini dan DAP terpaksa menyusun semula organisasinya di negeri ini selepas tindakan berpaling tadah itu.

Bernama difahamkan usaha untuk membawa Lee dan Khoo menyertai MCA telah dilakukan sejak tiga bulan lepas. Kedua-dua mereka sebelum ini pernah menyertai parti itu sebelum menganggotai DAP.

"Saya hanya diberitahu oleh ibu pejabat parti mengenai tindakan kedua-duanya menyertai MCA dan tidak tahu punca sebenar yang menyebabkan mereka berbuat demikian", katanya.

Bagaimanapun katanya, tindakan kedua-dua mereka tidak akan menghalang pemilihan parti di peringkat negeri yang akan dijalankan mengikut jadual tidak lama lagi. -- BERNAMA

RAB PR